

# Keluarga Malaysia formula selamatkan negara

BH - 24/8/2021 m/s: 11

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Inisiatif** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memperkenalkan frasa Keluarga Malaysia wajar disambut baik sebagai formula signifikan memulihkan negara.

Jika nilai kekeluargaan yang lazimnya mengikat kita seperti kepercayaan, kasih dan sayang serta keprihatinan antara satu sama lain ini mampu diterjemah semua, ia pasti mampu melindungi rakyat dan memulihkan negara.

Hakikatnya, kita berhadapan krisis kesihatan dan ekonomi yang cukup serius. Sudah tentu ini bukan masanya untuk berpolitik atau berebut kuasa.

Fokus dan perhatian semua pihak sewajarnya tertumpu ke arah usaha yang satu secara kolektif dan bersama, iaitu memulihkan negara dan mengembalikan kesejahteraan rakyat.

Masalah mencengkam kelangsungan hidup rakyat - kes positif COVID-19 dan kadar kematian masih tinggi akibat wabak, kehilangan pekerjaan dan kadar pengangguran yang terus membimbangkan, kehilangan punca pendapatan secara mutlak serta kehidupan umpama kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang - wajar menginsafkan semua pihak.

Inilah masa terbaik untuk semua menzahirkan semangat solidariti yang kukuh, sekali gus berganding bahu memulihkan negara. Ini juga masa terbaik untuk semua melakukan gencatan politik, mengeneipkan segala perbezaan ideologi seterusnya memerah keringat dan tenaga untuk membantu rakyat dan memulihkan negara.

Perkara ini dapat dilakukan andai semua pihak dapat berpaut kukuh di bawah pohon besar Keluarga Malaysia.

Cuma apa yang dituntut sekarang ialah kita perlu menzahirkan semangat sayangkan negara dan rakyat yang berpaksikan nilai kejujuran dan keikhlasan tinggi, demi satu matlamat yang sama iaitu memulihkan negara.

Ironinya, usaha memulihkan negara perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama setiap individu dan ahli politik. Percayalah, kerajaan semata-mata tidak mampu melakukannya tanpa sokongan dan dokongan parti pembangkang serta rakyat secara keseluruhannya.

Dalam konteks ini, pelantikan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri baharu perlu dijadikan titik nокtah yang menamatkan segala polemik dan kemelut politik melanda negara sejak beberapa bulan lalu.

Terimalah hakikat Ahli Parlimen Bera sudah mendapat mandat jelas Yang di-Pertuan Agong melalui sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Jadi, hentikanlah tohmahan mahupun usaha mengganggu gu-

gu kerajaan baharu dan kestabilan politik negara.

Jujurnya, kita memerlukan sebuah kerajaan kuat dan stabil yang mendapat sokongan serta kepercayaan semua ahli politik dan segenap lapisan masyarakat di bawah naungan serta payung besar Keluarga Malaysia supaya negara dapat keluar daripada krisis yang ada.

Berilah peluang kepada Perdana Menteri dan pasukan baharunya untuk membuktikan kemampuan. Tawaran dibuat kepada parti pembangkang untuk menganggotai Majlis Pemulihan Negara (MPN) dan Jawatankuasa Khas Menangani COVID-19 wajar disambut baik demi memikul tanggungjawab bersama untuk memulihkan negara dan mengembalikan kesejahteraan rakyat.

Umumnya, krisis dihadapi ini sedang menguji nilai kebersamaan dan kesepakatan seluruh rakyat Malaysia.

Justeru, marilah kita bersama-sama membuktikan kekuatan sebenar Keluarga Malaysia melalui semangat kesepakatan yang jitu demi membina semula kesejahteraan dan kebahagiaan seperti pernah kita nikmati sebelum ini.

Seperti kata Perdana Menteri dalam ucapan su-lungnya kelmarin, "Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu bersepakat untuk melindungi dan menyelamatkan keluarga besar kita, iaitu Keluarga Malaysia".



Timbalan Pengarah Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)